

USIM, HDC kerjasama laksana program halal

Oleh **ATIKAH DALI**

atikah.mohddali@kosmo.com.my

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalin kerjasama dengan TPM Biotech Sdn. Bhd. (TPMB) dan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) bagi menjayakan program Analisis Profesional Halal.

Melalui program itu, enam buah modul latihan telah dihasilkan dan akan berjalan selama 14 minggu pada setiap hujung minggu.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, TPMB dan HDC merupakan dua gabungan hebat dalam industri halal meliputi penyediaan latihan teknikal kepada peserta, perkongsian kepakaran

dan ujian makmal.

"Ini bertepatan dengan USIM yang memiliki Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (Ihram) dan melaksanakan ilmu Aqli dan Naqli (gabungan al-Quran dan sunnah bersama ilmu sains) terutama dalam agenda halal.

"Kita mahu dunia tahu USIM sebagai universiti berteraskan Islam dapat memainkan peranan pe-

sat dalam memperhebatkan agenda halal ke dalam pasaran dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara TPMB dan HDC di Bangunan Canselori USIM di sini baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Ek-

sekutif TPMB, Ahmad Husni Johari dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Hasni Zarina Mohamed Khan.

HDC menyediakan produk dan perkhidmatan pensijilan, audit, dan perkhidmatan pemantauan manakala TPMB adalah anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.

Program yang memberi fokus kepada mereka yang bekerja di dalam bidang industri tersebut mendedahkan peserta kepada persekitaran industri halal yang dilihat semakin berkembang dan mencabar.

Selain itu, program itu turut berperanan menyalurkan pengetahuan halal melalui pelbagai saluran termasuk teori dan praktikal, pandangan daripada sudut syariah serta meningkatkan pengetahuan dalam amalan halal dan pelaksanaan audit.



ASMA (tiga dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Hasni yang mewakili HDC pada majlis menandatangani perjanjian bagi melaksanakan Program Analisis Profesional Halal di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.